

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR
[JOHOR BAHRU]**

TARIKH : 2.7.2019 (SELASA)

Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah terdapat perancangan untuk mengemas kini Akta Timbang dan Sukat 1972 dalam usaha untuk membanteras aktiviti perniagaan yang tidak beretika bagi melindungi pengguna daripada dieksploitasikan oleh peniaga.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sentiasa peka dan prihatin terhadap isu penipuan alat timbang dan sukat oleh peniaga kepada pengguna melalui penguatkuasaan Akta Timbang dan Sukat 1972 dan peraturan subsidiarinya.

Akta Timbang dan Sukat 1972 bertujuan mengawalselia timbang dan sukat dan alat timbang dan sukat yang digunakan untuk tujuan perdagangan. Akta memperuntukkan kuasa untuk menjalankan penguatkuasaan, pematuhan perintah bentuk serta pelesenan timbang dan sukat dan alat timbang dan sukat.

Kementerian sentiasa mengambil langkah proaktif untuk memastikan Akta Timbang dan Sukat 1972 dan Peraturan subsidiarinya sentiasa selari dengan kemajuan teknologi, serta selaras dengan nasihat Penyimpan Timbang dan Sukat iaitu **Makmal Standard Pengukuran Kebangsaan (MSPK)**. Sehubungan itu, Kementerian dan MSPK sedang mengkaji dan menambahbaik peraturan-peraturan berikut;-

- i. **Peraturan-Peraturan Timbang dan Sukat 1981** untuk memastikan pematuhan Standard Kerja yang digunakan untuk penentusahan alat timbang dan sukat, pengawalseliaan pemegang Lesen Timbang dan Sukat yang menjalankan aktiviti Membuat, Membaik dan Menjual timbang atau sukat alat timbang atau sukat;
- ii. Mengemaskini **Perintah Bentuk atau Penentuan bagi Timbang atau Sukat atau Alat Timbang atau Sukat 1981**. Ini memastikan pematuhan kepada “**Kelulusan Perintah Bentuk**” bagi timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat yang digunakan untuk tujuan perdagangan daripada **Makmal Standard Pengukuran Kebangsaan**. Sehubungan itu, alat timbang dan sukat yang digunakan untuk tujuan perdagangan wajib mematuhi perintah bentuk dan ketepatan pengukuran yang ditetapkan **Makmal Standard Pengukuran Kebangsaan**; dan
- iii. Alat timbang dan sukat yang tidak mempunyai kelulusan perintah bentuk **TIDAK BOLEH** ditentukan dibawah Akta Timbang dan Sukat 1972 untuk tujuan perdagangan.

Sehubungan itu, Kementerian sentiasa komited bagi memastikan pengguna dilindungi dari penipuan dan manipulasi alat timbang dan sukat oleh peniaga yang tidak beretika ditangani dengan penguatkuasaan Akta Timbang dan Sukat 1972 dan peraturan subsidiarinya.